

JENAYAH DAN GEJALA SOSIAL DALAM MASYARAKAT MELAYU KEDAH, 1882-1940

**(CRIME AND SOCIAL PROBLEMS IN MALAYS OF KEDAH SOCIETY,
1882-1940)**

Haslindawati Saari, Azmah Abd. Manaf & Norizan Abd. Kadir

Abstrak

Kajian ini bertujuan melihat perlakuan jenayah dan gejala sosial dalam kalangan masyarakat Melayu pada penghujung abad ke-19 hingga awal abad ke-20 yang berlaku seiring dengan proses pembangunan dan pemodenan di Kedah. Pemimpin negeri dilihat berusaha mempertahankan kedaulatan Kedah dan mengukuhkan kedudukan mereka ketika Kedah berada di bawah kuasa asing iaitu Siam dan kemudiannya, British. Namun, masyarakat Melayu bawahan sukar untuk menghadapi perubahan yang berlaku di persekitaran mereka. Maka, kajian ini juga bertujuan melihat tekanan hidup yang dihadapi orang-orang Melayu Kedah hingga wujudnya masalah jenayah dan gejala sosial. Kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan memberi penekanan kepada analisis data ke atas dokumen yang diperoleh dari Arkib Negara Malaysia seperti Surat Raja-Raja (SRR), Surat Undang-Undang (SUU), Surat-Menyurat Sultan Abdul Hamid (SMSAH), laporan tahunan (SUK) dan rekod-rekod British (CO). Dapatan kajian menunjukkan dasar pentadbiran yang dilaksanakan oleh kerajaan Kedah tidak menguntungkan orang-orang Melayu terutamanya dari aspek sosioekonomi. Kesan daripada pertambahan penduduk, perkembangan ekonomi yang pesat dan pengenalan perundungan yang ketat menjadi faktor penting kepada peningkatan jenayah dan gejala sosial di Kedah.

Kata kunci: Jenayah, gejala sosial, orang-orang Melayu, tekanan hidup, sosioekonomi

Abstract

This research focuses on criminal and social maladies amongst the Malays at the end of 19th to early 20th centuries that occurred with the progress and modernization of Kedah. The state leaders were seen to defend Kedah's sovereignty and strengthen their hold on power during the Siamese occupation and later British colonization during these times. Meanwhile the peasant Malays were having difficulties adjusting to the changes in their environment due to this. Therefore, this research also aims to examine the strains of living faced by the Malays in Kedah which led to the emergence of crime and social problems. This is a qualitative research emphasising on document data analysis of the King's Letter (SRR), Letters of Law (SUU), Letters of Sultan Abdul Hamid (SMSAH), Annual Report (SUK) and British Records (CO) obtained from the National Archives of Malaysia. Findings of the research showed that administrative policies implemented by the Kedah state government did not benefit the Malays especially in terms of socioeconomic aspect. Growth in

population, rapid economic development and the introduction of strict legislation are prominent factors leading to the rise of crime and social ills in Kedah.

Keywords: Crime, social problems, Malays, strains in life, socioeconomic

PENGENALAN

Persoalan sosial dalam masyarakat berlaku seiring dengan pembangunan dan pemodenan sesebuah negara. Bukan sahaja di Negeri-negeri Melayu, negara Barat juga pernah melakarkan sejarah yang menunjukkan pengalaman perindustrian dan pemodenan di Eropah sejak abad ke-18 menjadi pemangkin kepada peningkatan persoalan sosial dalam masyarakat. Pertumbuhan ekonomi yang pesat bagi sesebuah kerajaan bukanlah jaminan kepada penghapusan kemiskinan dalam kalangan rakyat atau kejayaan pelaksanaan agihan pendapatan dalam kalangan masyarakat.

Kedah, sebagaimana Negeri-negeri Melayu lain turut mengalami kemajuan dan pemodenan dalam pentadbirannya. Seiring dengan kerancakan pembangunan negeri yang dilaksanakannya, isu jenayah dan gejala sosial turut meningkat. Dalam tempoh pemimpin Kedah berusaha mempertahankan kedaulatan Kedah dan memperkuuhkan kedudukan mereka dalam pentadbiran, masyarakat Kedah berdepan dengan pelbagai bentuk masalah yang seringkali dikaitkan dengan jenayah seperti pembunuhan, pergaduhan, penipuan, samun, mencuri, rogol, mlarikan isteri atau tunangan orang, zina, penyelewengan, rasuah dan sebagainya. Kehidupan masyarakat Melayu juga dihimpit dengan pelbagai isu moral yang perlu ditangani oleh institusi syariah. Sekiranya isu jenayah dan masalah sosial gagal dibendung, masalah ini boleh mengakibatkan kekacauan norma dalam masyarakat.

Kajian ini meneliti perlakuan jenayah dan gejala sosial yang berlaku dalam masyarakat Melayu Kedah sekitar tahun 1880-an sehingga 1940, ketika Kedah sedang mengalami proses kemajuan dan pemodenan dalam pentadbirannya. Penjelasan awal difokuskan kepada pentadbiran dan perundangan jenayah di Kedah. Kemudian, perbincangan diteruskan dengan isu jenayah dan gejala sosial dalam kalangan orang-orang Melayu sepanjang pemerintahan Sultan Abdul Hamid sehingga kemasukan kuasa British ke Kedah. Kajian ini turut menjelaskan bentuk-bentuk hukuman yang diperuntukkan dalam perundangan Kedah bagi mengekang permasalahan jenayah yang semakin berleluasa. Kajian ini menjadikan Surat Raja-Raja (SRR), Surat Undang-Undang (SUU) sebagai sumber utama kajian di samping beberapa dokumen lain dalam membincangkan bentuk, tempoh masa dan peruntukan perundangan yang diguna pakai oleh kerajaan Kedah.

Selanjutnya, penulisan diteruskan dengan melihat perubahan dalam pentadbiran dan perundangan Kedah selepas terbentuknya Majlis Mesyuarat Negeri (MMN). Beberapa perundangan baharu yang dibincangkan melalui bab ini merupakan kesan daripada beberapa perubahan dalam pentadbiran yang dilakukan secara berperingkat. Kanun Al-Akubat Tahun 1335H (1916M) dan beberapa perundangan lain turut dikaitkan dengan isu jenayah dan masalah sosial dalam masyarakat Melayu. Perubahan dan penstrukturran dari aspek pelaksanaan hukuman, bidang kuasa dan perjawatan dalam sistem kehakiman turut diberi penekanan dalam artikel ini. Pada masa yang sama, fokus kajian juga bertujuan melihat kesan dan tindak balas orang-orang Melayu terhadap perubahan dalam pentadbiran dan perundangan di Kedah. Kajian ini cuba memperincikan peranan dan usaha pemerintah negeri menangani persoalan sosial yang kian serius saban tahun. Seterusnya, isi perbincangan akan menjelaskan sejauh mana perlakuan jenayah dan gejala sosial yang berlaku dalam masyarakat Melayu merupakan tindak balas daripada tekanan yang dihadapi oleh mereka. Hal ini menuntut perubahan dalam pentadbiran dan perundangan agar perlakuan jenayah dalam masyarakat dapat dibendung.

PENTADBIRAN DAN PERUNDANGAN JENAYAH KEDAH

Undang-undang merupakan satu sistem peraturan untuk mengawal tingkah-laku masyarakat. Maka, perundangan bertindak sebagai mengawal tindakan-tindakan anti sosial iaitu orang-orang yang melanggar undang-undang jenayah akan menerima hukuman (Noor Aziah 2013). Menurut John

Austin (1998), undang-undang adalah perintah yang dikeluarkan oleh satu badan yang berkuasa untuk orang-orang biasa dan dikuatkuasakan melalui hukuman. Dalam soal undang-undang, proses hukuman tidak dilakukan secara terus sebaliknya perlu melalui prosedur tertentu yang melibatkan kos dan masa. Individu yang bersalah harus bertanggungjawab ke atas perbuatannya. Maka, penguatkuasaan undang-undang dilihat sebagai langkah yang terbaik untuk menangani perlakuan jenayah dalam masyarakat.

Dalam hal peraturan dan perundangan Kedah, “Tembera Dato Seri Paduka Tuan T.H. 1078 (T.M. 1667)”, “Hukum Kanun Dato’ Kota Setar”, “Hukum Kanun Kedah”, “Hukum Kanun Dato’ Seri Paduka” dan “Undang-Undang Kedah versi Ku Din Ku Meh” merupakan rangkaian perundangan yang diguna pakai oleh pentadbiran Kedah sebelum kedatangan British. Sistem perundangannya berkembang mengikut suasana tempat dan masyarakat sekitar. Undang-undang yang digubal untuk keharmonian rakyat Kedah berlaku secara berperingkat sehingga menyerupai bentuk sistem perundangan British seperti mana di Negeri-negeri Melayu lain. Penghujung abad ke-19, perundangan Kedah dianggap undang-undang moden mengikut perundangan British. Namun demikian, undang-undang Islam masih diguna pakai terutamanya melibatkan hal-ehwal orang-orang Islam. Dalam hal ini, Kedah masih lagi meletakkan sultan sebagai pegawai tertinggi dalam sistem perundangannya. Pengesahan penguatkuasaan hanya akan berlaku dengan adanya tandatangan dan cap mohor baginda. Sekiranya baginda kegerringan atau tiada dalam negeri, pemangku sultan layak mengesahkan perundangan yang diusulkan (Mohd Kasturi et al. 2017).

Dalam bidang kehakiman, perjawatan hakim yang menerajui setiap mahkamah di Kedah adalah lantikan daripada sultan. Didapati Sultan Abdul Hamid sebagai Sultan Kedah ke-26 cenderung melantik keanggotaan kehakiman dalam kelompok istana atau individu yang dipercayai baginda. Menurut Mohd. Isa Othman (2001), “...hubungan peribadi dengan sultan amat penting sebelum seseorang itu dilantik ke jawatan ini.” Tinjauan ke atas surat-menyurat SUU (SUU T.H 1321-T.H 1327 T.M 1903-T.M 1909) mendapati kebanyakan hakim sering bertindak sebagai hakim sementara bagi menggantikan mana-mana hakim yang tidak dapat bertugas dalam mahkamah pada satu-satu masa. Pada masa yang sama, pembesar daerah juga bertindak sebagai hakim di daerah mereka. Dalam hal ini, tindakan memangku tanggungjawab dalam hal kehakiman dan tugas sebagai seorang pegawai daerah, secara tidak langsung dapat memberi kemahiran dan pengalaman luas kepada seseorang dalam hal-ehwal pentadbiran serta perundangan negeri. Kelebihan inilah yang dilihat oleh Sultan Abdul Hamid dalam melantik pegawai kerajaannya untuk mentadbir negeri selain atas dasar hubungan keluarga dan kepercayaan. Sememangnya kaedah sebegini dianggap praktikal untuk memberi kemahiran dan pengalaman yang luas kepada bidang tugas seseorang. Seharusnya diingat bahawa ramai orang Melayu tidak diberi pendidikan yang sepatutnya, maka anggapan pihak British bahawa Kedah kekurangan calon untuk dilantik sebagai hakim adalah berasas.

Selepas pentadbiran Kedah berada di bawah penguasaan British, kelayakan seseorang pegawai kerajaan mahupun hakim mahkamah bukan lagi atas dasar hubungan keluarga atau kepercayaan semata-mata tetapi lebih kepada pendidikan seseorang. Pelantikan seorang hakim terletak pada Majlis Mesyuarat Negeri (MMN) dan kesemua hakim yang dilantik merupakan kelompok Melayu yang berkhidmat dalam *Malay Civil Service* dan *Kedah Civil Service*. Segala perubahan yang dilakukan oleh pihak British atas alasan orang-orang Melayu kurang berkelayakan untuk dilantik dalam perkhidmatan kehakiman. Bukan itu sahaja, British juga menetapkan beberapa ketetapan berkaitan pelantikan hakim. Sebagai contoh, individu yang akan dilantik sebagai hakim dalam Mahkamah Besar Bahagian Pertama mestilah seorang pegawai kerajaan Kedah atau pegawai *Strait Settlement* atau pegawai Tanah Melayu yang mempunyai pengalaman bekerja selama 10 tahun dan sekurang-kurangnya mempunyai pengalaman mengendalikan kes dalam mahkamah selama dua tahun. Selain itu, mereka juga telah perlu lulus peperiksaan bertulis yang berkisar tentang Peraturan Undang-Undang Awam, Peraturan Undang-Undang Jenayah, Kanun Keseksaan dan Enakmen Am Kedah (SMSAH No. 14 T.H.1338-1339H/1919-1920M). Calon juga perlu menduduki peperiksaan lisan bahasa Inggeris. Syarat pelantikan bagi seorang hakim atau mana-mana jawatan dalam pentadbiran negeri yang ditetapkan oleh pihak British menunjukkan bahawa bukan sahaja kemahiran dan pengalaman yang dititikberatkan tetapi menekankan kepentingan pendidikan sekular.

Perubahan dalam pentadbiran dan perundangan bukan sahaja melibatkan hal perjawatan kehakiman tetapi turut berlaku dalam hal-ehwal perundangan negeri. Ketika awal pemerintahan Sultan Abdul Hamid, Kedah menjadikan Undang-Undang Kedah Versi Ku Din Ku Meh (1893) sebagai peraturan sosial yang berteraskan undang-undang Islam walaupun undang-undang adat masih dipraktikkan. Daripada 40 fasal yang terkandung dalam undang-undang ini, terdapat beberapa fasal yang dilihat berkait rapat dengan perundangan jenayah. Antaranya, fasal 3, 5, 7, 8, 9 dan 12 dan fasal 10, 13, 14, 15, 23, 24, 26, 27, 32, 33, 34 dan 35 berkaitan dengan hal jual beli, sewa menyewa, hutang piutang dan pinjam meminjam (Ku Din Ku Meh 1311H/1893M). Sebagaimana yang dicatatkan dalam perundangan ini, isi kandungannya sarat dengan pelbagai bentuk hukuman bagi kesalahan-kesalahan yang berlaku dalam kehidupan orang-orang Melayu. Pada masa yang sama, ditekankan juga peranan dan integriti seorang hakim yang mengadili kes-kes di mahkamah. Sebagai pengamal undang-undang, mereka juga bakal berdepan dengan hukuman bunuh sekiranya tidak berintegriti atau bertindak menjatuhkan hukuman bersifat berat sebelah bagi setiap kes yang dikendalikan. Ketetapan yang dibuat dalam perundangan ini menunjukkan setiap rakyat Kedah tanpa mengira pangkat dan kedudukan boleh dikenakan hukuman atas kesalahan yang dilakukan. Setiap perkara yang diperuntukkan melalui perundangan ini termuat undang-undang yang berlandaskan kepada agama Islam dan undang-undang adat yang tidak bercanggah dengan syariat Islam. Hal ini jelas menunjukkan telah wujud satu garis panduan yang bertujuan memberi teladan kepada seluruh masyarakat Kedah. Sebelum kemasukan British, perundangan ini masih diguna pakai walaupun tidak dilaksanakan secara menyeluruh berikutan daripada perubahan dalam pentadbiran akibat pengenalan perundangan Barat.

Selepas penubuhan MMN yang pada 23 Julai 1905, pelbagai perundangan baharu diperkenalkan. Antara undang-undang yang diluluskan oleh MMN (SUU T.H 1321-T.H 1327 T.M 1903-T.M 1909);

- i. Aturan Mahkamah *Council* Yang Telah Dibuka Di dalam Negeri Kedah (tidak dapat ditentukan tarikhnya)
- ii. Undang-Undang *State Council* Tetapkan Perkara Kesalahan Yang Diberi Jamin dan Tiada Diberi Jamin
- iii. Undang-Undang Perkara Kuasa Mahkamah Syariah
- iv. Undang-undang Perkara Appeal Dakwa Di Dalam Mahkamah Negeri Kedah
- v. Undang-Undang Kuasa Polis Di Stesen Negeri Kedah Di Dalam Perkara 12 Yang Boleh Ditangkap Dan Tiada24 Syawal 1324 (11 Disember 1906)

Undang-undang yang baharu ini merupakan susulan daripada perundangan negeri yang diguna pakai sebelum ini. Didapati perundangan yang diwujudkan ini disesuaikan dengan persekitaran masyarakat yang diwujudkan dengan persetujuan bersama kuasa tertinggi dalam kerajaan Kedah. Apabila British bertapak secara rasmi di Kedah pada 10 Mac 1909, kes-kes perundangan melibatkan jenayah dan sivil ditadbir oleh Mahkamah Rayuan Majlis Mesyuarat Negeri, Mahkamah Besar, Mahkamah Majistret dan Mahkamah Syariah (Has Zanah Mehat 1980). Enakmen Mahkamah tahun 1922 yang berkuat kuasa sehingga 1934 telah dipinda dan disemak semula (SMSAH No. 14 T.H.1338-1339H/1919-1920M). Pindaan tersebut merangkumi peraturan yang lebih lengkap melalui sistem pentadbiran mahkamah yang lebih luas dan teratur. Berikut adalah senarai mahkamah yang terdapat di Kedah selepas pindaan dilakukan;

1. Mahkamah Rayuan
2. Mahkamah Tinggi
 - a. Mahkamah Tinggi Kelas I
 - b. Mahkamah Tinggi Kelas II
3. Mahkamah Majistret
 - a. Mahkamah Majistret Kelas I
 - b. Mahkamah Majistret Kelas II
 - c. Mahkamah Majistret Kelas III
4. Mahkamah Syariah

Dalam hal perundangan, di dapati pihak British menggunakan khidmat Hakim Eropah untuk mengendalikan kes-kes di Mahkamah Tinggi Kelas I selain bertindak sebagai pendakwa raya dan penasihat undang-undang kepada pasukan polis (*CO 716/1 1916*). Hakim Eropah juga boleh mengusulkan peraturan mahkamah dan berkuasa melihat semula mana-mana kes yang telah dijalankan dalam mana-mana mahkamah. Sebagai contoh, W.H. Dinsmore pernah dilantik sebagai penasihat undang-undang di Kedah pada Disember 1919 hingga Oktober 1920 dan dilantik pula sebagai hakim Eropah pada tahun 1922 (Mohd. Isa Othman 2001). Alasan British mewujudkan jawatan Hakim Eropah untuk melancarkan proses pengadilan di mahkamah dan meningkatkan kecekapan dalam perkhidmatan perundangan Kedah. Biarpun demikian, Mohd. Isa Othman (2001) berpendapat tindakan pihak British melantik Hakim Eropah menunjukkan sikap penjahah ini kurang yakin terhadap kebolehan hakim Melayu dalam mengadili kes-kes yang besar. Biarpun demikian, perubahan dalam perundangan Kedah jelas menunjukkan British dapat menyempurnakan matlamatnya untuk melaksanakan undang-undang Inggeris melalui pengelasan mahkamah dan bidang kuasa kehakiman Kedah.

Sementara itu, Kedah menerusi MMN juga telah meluluskan beberapa perundangan baharu berkaitan pentadbiran keselamatan negeri. Antaranya, Kanun Al-Akubat Tahun 1335H (1916M) iaitu undang-undang atau kanun keseksaan untuk kesalahan jenayah di Kedah (Bariyah Basiran 2018). Undang-undang ini menetapkan bahawa segala hukuman serta peraturan yang termaktub dalam Kanun Al-Akubat perlu dipatuhi. Bagi hukuman dan peraturan terdahulu, dibatalkan oleh kerajaan Kedah. Kerajaan Kedah berusaha mewujudkan kestabilan dalam pentadbiran negeri dengan memperkemaskan undang-undang yang sedia ada dan memperkenalkan peraturan baharu yang sesuai dengan keperluan semasa.

Berdasarkan penelitian ke atas naskhah Kanun Al-Akubat, didapati nilai-nilai Islam masih menjadi teras kepada setiap hukuman yang dicatatkan. Buktinya, dalam bab ketiga undang-undang ini, hukuman yang diluluskan merangkumi enam jenis hukuman keseksaan bagi kesalahan jenayah yang dilakukan di Kedah iaitu hukuman bunuh gantung sampai mati, hukum penjara dengan kerja berat atau kerja ringan, rampasan harta untuk dijadikan milik kerajaan, denda, diat dan hukum balun dengan rotan (sebat). Setiap jenis hukuman yang ditetapkan dalam Kanun Al-Akubat mencakupi pelbagai bentuk jenayah dan masalah sosial dalam masyarakat seperti pembunuhan, pergaduhan, penipuan, menyamun, mencuri, merogol, melarikan isteri atau anak orang, berzina, menyeleweng, rasuah dan sebagainya. Bagaimanapun, dalam kesalahan tertentu, sultan boleh menggunakan budi bicaranya untuk menukar bentuk hukuman ke atas pesalah. Misalnya, hukuman penjara sampai mati ditukarkan kepada hukuman kerja berat atau ringan (SMSAH No. 11 Kanun Al-Akubat Tahun 1335).


Perubahan dalam pentadbiran dan perundangan memperlihatkan kerajaan Kedah sentiasa berusaha untuk mewujudkan sebuah perundangan yang lebih mantap dan bersesuaian dengan keperluan semasa, lebih-lebih lagi bagi mengekang kejadian jenayah yang semakin berleluasa. Setiap hukuman atas kesalahan yang dilakukan oleh rakyat termasuk orang asing yang berada di Kedah adalah berpandukan undang-undang yang telah dipersetujui. Pada masa yang sama, masih ada kuasa budi bicara dalam menjatuhkan hukuman atas kesalahan tertentu.

ISU JENAYAH DAN GEJALA SOSIAL DALAM KALANGAN ORANG-ORANG MELAYU KEDAH

Isu sosial yang berkait rapat dengan nilai moral, sama ada secara langsung atau tidak langsung banyak berlaku dalam masyarakat yang dianggap sebagai masalah sosial. Menurut Mohd Reduan Aslie (1990), jenayah adalah persoalan masyarakat yang terlibat dengan tindakan atau perlakuan jahat yang menyalahi undang-undang. Dalam perundangan Islam, pengertian jenayah dilihat daripada perkataan ‘jenayah’ itu sendiri. Perbuatan jenayah merujuk kepada sesuatu perbuatan atau tindakan jahat yang dilakukan oleh seseorang yang salah dari segi syarak. Dari aspek istilah pula, jenayah merujuk kepada perbuatan yang ditegah dan diharamkan kerana mendatangkan bahaya ke atas nyawa, harta dan kesucian agama (Mohd. Reduan Aslie 1990).

Perlakuan jenayah berpunca daripada pelbagai aspek. Terdapat pelbagai teori yang dikemukakan oleh para pengkaji berkaitan jenayah. Punca perlakuan jenayah boleh dilakukan atas satu sebab, beberapa sebab, rangkaian sebab atau tiada bersebab. Hugh D. Barlow & David Kauzlarich (2010) telah mengemukakan teori yang menekankan bagaimana situasi sosial membentuk tingkah laku manusia dan seterusnya membawa kepada perlakuan jenayah. Sebagai tambahan, perubahan sosial juga menyebabkan jenayah dan penyelewengan berlaku seiring demi manfaat sosial. Clive R. Hollin (2002) pula telah mencadangkan teori perlakuan jenayah daripada sudut psikologi. Teori psikologi yang dibawa oleh Hollin dikaitkan dengan pelbagai faktor. Antaranya, perlakuan jenayah berlaku disebabkan faktor biologi seperti genetik yang diwarisi atau pembinaan psikologi berhubung kait dengan keperibadian, pembelajaran dan perkembangan moral. Seterusnya, faktor biokimia dan neurologi yang berhubung dengan ketidakseimbangan bahan kimia dalam badan disebabkan kandungan gula, vitamin, hormon, makanan, pencemaran dan sebagainya. Faktor fizikal dan lemah pemikiran turut dikaitkan sebagai punca berlakunya jenayah. Kesemua faktor yang dibincangkan oleh Hollin merupakan penjelasan tentang punca-punca berlakunya perlakuan jenayah. Kajian yang dilakukan oleh Wesley G. Jennings dan Alex R. Piquero (2009), menyarankan teori perjalanan kehidupan sebagai punca berlakunya jenayah. Daripada keseluruhan teori yang dikemukakan berserta dengan teori-teori yang telah diperkatakan, sebenarnya tiada satu pun teori khusus yang boleh dipegang sebagai punca berlakunya perlakuan jenayah.

Umumnya, perlakuan jenayah meliputi beberapa kategori. Penulisan ini melihat perbuatan membunuhan, mencuri, menyamun, memukul, merogol, pecah rumah, menipu, pecah harapan (pecah amanah), rasuah dan kegiatan kongsi gelap sebagai jenayah berat yang kerap dilakukan oleh masyarakat Melayu Kedah. Dalam hal ini, sekiranya seseorang yang didapati bersalah kerana melakukan jenayah, mereka boleh dikenakan hukuman yang berat seperti penjara berserta dengan sebatan, penjara seumur hidup atau hukuman mati. Dalam hal hukuman, Jeremy Bentham (1975) berpendapat hukuman semata-mata bukanlah jalan penyelesaian untuk mencegah jenayah tetapi tindakan berjaga-jaga juga dianggap sebagai kaedah secara tidak langsung yang perlu diambil oleh pihak berkuasa untuk tujuan yang sama. Walau apa pun jalan penyelesaian yang diusahakan untuk mengekang masalah sosial di Kedah, seharusnya mendapat bekerjasama daripada semua pihak amat penting daripada penguatkuasaan semata-mata.



Graf 1. Jenayah dalam kalangan orang-orang Melayu Kedah, 1906-1909

Sumber: Disesuaikan daripada koleksi SUU.

Berdasarkan Graf 1, aktiviti mencuri merupakan perlakuan jenayah yang paling tinggi dicatatkan iaitu 36 kes. Kemudiannya diikuti dengan jenayah menyamun, membunuh dan perbuatan menipu. Jenayah lain yang turut dilaporkan dalam SUU ialah perbuatan memecah rumah orang, pergaduhan, zina, pecah harapan, lari dari penjara dan lain-lain jenayah. Dalam kes mencuri, selain melibatkan harta benda, sebahagian besarnya kes mencuri melibatkan kerbau lembu. Sebenarnya, dipercayai bilangan kes sebagaimana yang dipaparkan dalam graf di atas melebihi daripada angka sebenar. Kutipan data sebenar sukar diperoleh disebabkan maklumat dalam kandungan surat tidak lengkap, rosak dan catatan yang kabur. Namun demikian, dapatan kajian mendapati kes jenayah melibatkan perlakuan mencuri mendominasi kes-kes jenayah di Kedah sepanjang tahun 1906 hingga 1909.

Dalam soal mencuri binatang ternakan, ternyata jenayah ini berlaku sehingga merentas sempadan iaitu sempadan Kedah-Siam, Kedah-Perlis, Kedah-Pulau Pinang dan Kedah-Perak (Mohd Kasturi 2017). Catatan daripada minit mesyuarat kerajaan Kedah juga turut melaporkan masalah yang sama dan hal ini menjelaskan bahawa kes kecurian kerbau lembu adalah serius ketika itu. Terdapat satu kes mencuri kerbau yang melibatkan dua orang pencuri iaitu Teh bin Musa dan Mat bin Ali, mereka telah dijatuhan hukuman penjara dan dibalut dengan rotan (SMSAH No. 14 T.H.1338-1339H/-1920M). Tindakan kerajaan Kedah mengenakan hukuman yang berat sebagai langkah untuk mengekang kejadian jenayah daripada terus berleluasa, lebih-lebih lagi melibatkan kerbau lembu.

Sementara itu, Tunku Ibrahim yang dilantik sebagai *Superintendent* Polis pernah mengeluarkan arahan supaya individu yang bersubahat dengan mana-mana penjenayah yang mencuri kerbau lembu, mereka akan dikenakan hukuman berat iaitu penjara selama tiga hingga lima tahun dengan memakai rantai kaki (SUU T.H 1321-T.H 1327 T.M 1903-T.M 1909). Hukuman yang sama dikenakan juga kepada mana-mana penghulu atau ketua mukim yang didapati tidak menyerahkan kerbau lembu yang dicuri kepada pihak polis. Tuntasnya, tindakan tegas yang dilaksanakan oleh kerajaan Kedah menunjukkan pihak Kedah sentiasa memastikan rakyatnya diberi keadilan dan mana-mana pihak yang didapati bersalah tetap menerima hukuman yang setimpal. Pada masa yang sama, hubungan diplomatik antara dua hala dilihat sebagai tali pengikat kepada hubungan baik antara Kedah dengan Siam. Kaedah ini juga diguna pakai oleh Kedah dengan jirannya yang lain dalam menyelesaikan masalah rentas sempadan dan sekali gus dapat memelihara kedaulatan Kedah.

Isu perlakuan jenayah di Kedah turut mendapat perhatian daripada Mohd. Isa Othman (2001) dan Cheah Boon Kheng (1981). Kedua-dua pengkaji ini turut membincangkan dan memperincikan tentang penglibatan sebilangan kecil penghulu atau ketua kampung dalam kegiatan mencuri dan menyamun di kawasan utara Kedah. Mereka sering bekerjasama dengan orang-orang Siam di sempadan Kedah-Singgora untuk menjalankan kerja-kerja penyeludupan, antaranya kegiatan menyeludup kerbau lembu (*The Annual Report of the Adviser to the Kedah Government for the Year 1328 A.H.*). Bukan itu sahaja, penghulu-penghulu yang terlibat dengan kegiatan jenayah juga adalah orang yang diberi tanggungjawab melakukan pendaftaran lesen kerbau lembu, menukar nama apabila berlaku proses jual beli atau menamatkan lesen jika binatang ternakan telah disembelih (Mohd. Isa Othman 2001). Apabila berlaku penyelewengan daripada fungsi sebenar, kelompok penghulu ini dengan mudah menutup sebelah mata terhadap jenayah yang berlaku di kawasan mereka. Perkara ini berlarutan selagi mereka memperoleh habuan yang menguntungkan. Penglibatan sesetengah penghulu dalam kes-kes jenayah termasuk perbuatan mencuri kerbau lembu di Kedah dianggap serius sekitar tahun 1909 hingga 1920. Penyusunan semula pentadbiran serta perlaksanaan undang-undang yang tidak menguntungkan orang-orang Melayu menyebabkan sebilangan segelintir penghulu terlibat dengan jenayah, penyelewengan dan sebagainya. Dalam hal ini, segelintir orang-orang Melayu dilihat cenderung memilih untuk melakukan perbuatan mencuri, menyamun, pecah rumah dan sebagainya kerana mereka sukar untuk menyesuaikan diri dengan kemasukan sistem ekonomi kapitalis yang rencam.

Melihat berleluasannya kejadian jenayah, terutamanya kejadian jenayah mencuri kerbau lembu, kerajaan Kedah telah membuat pindaan ke atas peraturan lama dengan memperkenalkan “Undang-Undang Benda Curi Tahun 1333.” Melalui undang-undang ini, ditetapkan hukuman maksimum

yang dikenakan bagi pesalah yang mencuri kerbau lembu ialah penjara dengan kerja berat atau ringan atau denda tidak melebihi \$500.00 ataupun kedua-duanya sekali. Sekiranya kesalahan tersebut adalah berat, pesalah dihukum denda tidak lebih daripada \$1000.00 atau setahun penjara dengan kerja berat ataupun ringan (SMSAH No. 13 T.H.1338H/1919M). Tindakan kerajaan Kedah meminda perundangan negeri dalam menyelesaikan masalah masyarakat dilihat sebagai tindakan wajar. Biarpun begitu, masalah jenayah masih berada pada tahap yang membimbangkan. Kegagalan menangani sebilangan besar kejadian jenayah di Kedah dilihat berkait rapat dengan penguatkuasaan undang-undang yang longgar. Bukan itu sahaja, kelemahan dari aspek bilangan balai dan anggota polis juga menjadi punca kegagalan untuk memerangi jenayah. St John Robilliard, Reiner dan Elmer H. Johnson menyatakan hubungan polis dengan masyarakat mempengaruhi keadaan jenayah dan masalah sosial yang berlaku dalam masyarakat (Nor Azlinda 2020). Goldstein dan Moore juga berpendapat, “*Community and Police working in partnership to prevent, solve or reduce problems that effect the quality of life within the community*” (Nor Azlinda 2020). Dalam hal ini, kerjasama antara masyarakat dengan pihak keselamatan Kedah, sekurang-kurangnya dapat mengurangkan masalah jenayah daripada terus berleluasa. Selain itu, kerajaan Kedah juga dilihat kurang inisiatif untuk membantu kehidupan orang-orang Melayu sedangkan ketika itu, Kedah dibanjiri dengan masyarakat asing yang sudah tentu memberi persaingan sengit kepada orang-orang Melayu dalam merebut peluang-peluang ekonomi. Tambahan pula, dasar kerajaan yang berat sebelah turut menyukarkan orang-orang Melayu membina kehidupan yang lebih baik.

Dalam hal jenayah, kejadian samun juga banyak berlaku di Kedah. Sebagai contoh, perbuatan samun yang dilakukan oleh Che Ahmad Pulau Maharaja dan Abu Seman Brui. Kedua-dua mereka telah ditangkap kerana terlibat dengan dua kejadian samun iaitu pertamanya, menyamun di kediaman Che Lian di Perlis dan keduanya, menyamun Haji Ismail di rumahnya yang terletak dalam Mukim Naka. Bukan sahaja terlibat dengan jenayah menyamun tetapi kedua-duanya telah mendatangkan kematian kepada Haji Ismail. Dari segi hukuman, kedua-dua penjenayah tersebut perlu dihukum mati kerana mendatangkan kematian kepada orang yang disamun (SUU T.H 1321-T.H 1327 T.M 1903-T.M 1909). Namun, surat bertarikh 18 Zulhijah 1324H (2 Februari 1907M) mencatatkan kedua-dua mereka tidak dijatuahkan hukuman bunuh, sebaliknya diberi denda yang berat. Mereka dijatuahkan hukuman penjara selama tujuh tahun oleh pihak mahkamah (SUU T.H 1321-T.H 1327 T.M 1903-T.M 1909). Kelihatan hukuman yang dijatuahkan kepada penjenayah agak ringan, barangkali kejadian pembunuhan tersebut berlaku secara tidak sengaja.

Bukan sahaja menyamun, perbuatan mencuri juga adalah perlakuan jenayah yang acap kali berlaku dalam kalangan masyarakat Kedah. Dalam kejadian mencuri barang, Mat Koperal, Dahaman dan Mat Hassan didapati bersalah kerana mencuri harta benda milik penjara di bawah seliaan Tuan Man (SUU T.H 1321-T.H 1327 T.M 1903-T.M 1909). Ketiga-tiga mereka dihukum penjara dengan memakai rantai kaki berserta kerja berat selama dua tahun. Dalam hal ini, kes kecurian yang melibatkan harta benda kerajaan, pesalah dikenakan hukuman yang agak berat sebagaimana yang berlaku ke atas Mat Koperal, Dahaman dan Mat Hassan. Sesungguhnya, catatan mengenai bentuk hukuman penjara dengan memakai rantai kaki banyak dilaporkan dalam surat-menyurat SRR dan SUU sama ada melibatkan jenayah berat atau kesalahan biasa yang memerlukan hukuman penjara, suatu hal yang kurang ditonjolkan dalam laporan British.

Jenayah membunuh kurang berlaku dalam kalangan orang-orang Melayu. Masalah sosial ini banyak melibatkan golongan imigran seperti orang-orang Cina, India dan Sam-Sam. Laporan yang dikeluarkan dari Pejabat Suruhanjaya Polis bahagian jenayah bagi tahun 1936 menunjukkan daripada sembilan kes membabitkan pembunuhan, hanya tiga kes sahaja yang membabitkan orang Melayu. Dua daripadanya terbabit dengan jenayah pembunuhan disebabkan masalah mental dan satu kes lagi melibatkan masalah pertengkaran (SUK/K A T.H 1331-1341 T.M 1912-1922, T.H 1343-1354 T.M 1924-1935). Adakalanya tragedi pembunuhan turut berlaku ketika penjenayah melakukan aktiviti menyamun atau mencuri, bergaduh atau menghadapi tekanan perasaan akibat perasaan cemburu, marah dan dendam. Sebagaimana kes-kes jenayah lain, jenayah membunuh juga kerap berlaku merentas sempadan kawasan pentadbiran Kedah dengan kejiranannya. Satu perbicaraan mengenai kejadian menyamun yang dilakukan oleh sekumpulan penjenayah Melayu di Mukim Naga telah menyebabkan kematian seorang mangsa yang disamun (tidak dinyatakan nama mangsa

berkenaan). Kejadian ini disiasat dengan teliti dan direkodkan dalam 41 pucuk surat (dicatatkan sebagai surat-surat periksa dan surat-surat mesyuarat). Hasil perbicaraan di mahkamah, kumpulan penjenayah berkenaan dikenakan hukuman penjara (tidak ditemui mana-mana surat yang mencatatkan tempoh hukuman yang dikenakan) (SUU T.H 1321-T.H 1327 T.M 1903-T.M 1909). Suatu hal lagi, Mukim Naga berada dalam daerah Kubang Pasu yang terletak di kawasan utara Kedah. Kes jenayah yang berlaku ini adalah salah satu bukti yang menunjukkan bahawa kejadian jenayah banyak berlaku di utara Kedah, lebih-lebih lagi melibatkan kumpulan penyamun, sebagaimana yang dilaporkan dalam laporan kerajaan Kedah.

Jenayah di Kedah juga membabitkan kerjasama antara orang-orang Melayu dengan orang Sam-Sam di Kedah (Cheah Boon Kheng 1981; Mohd. Isa Othman 2001). Masyarakat Sam-Sam banyak mendiami beberapa kawasan di daerah Padang Terap dan Kubang Pasu. Dikatakan masyarakat ini berasal dari petempatan miskin dari wilayah Nakora Sit'ammarat dan Songkhla. Mereka berhijrah ke Negeri-negeri Melayu Utara (NNMU) seperti Perlis dan Kedah yang bersempadan dengan Siam. Sekiranya diselidiki kandungan surat-menjurat SRR dan SUU, dilaporkan banyak kejadian rompakan berkumpulan didalangi oleh orang-orang Melayu yang bekerjasama dengan orang Sam-Sam. Sebagai contoh, Mat Hashim, Che Idut dan Tan Ji telah bekerjasama dengan Endin Prom (dipercayai orang Sam-Sam) melakukan jenayah samun ke atas Lim Nyor di Jalan Sadao. Setelah didapati bersalah, Mahkamah Besar telah menjatuhkan hukuman penjara lima tahun ke atas Mat Hashim dan penjara dua tahun enam bulan ke atas Che Idut, manakala Endin Prom dibebaskan bersama Tan Ji (SRR No. 2 T.H 1312 T.M 1895). Penglibatan orang-orang Melayu bersama dengan orang Sam-Sam dalam pelbagai kejadian jenayah dianggap sebagai kelompok yang bertindak balas atas desakan hidup. Faktor persekitaran dan peluang ekonomi yang tidak memihak kepada mereka menyebabkan kelompok ini bertindak mengambil jalan mudah untuk melakukan jenayah secara berkumpulan. Lagi pula, penjenayah yang melakukan aktiviti jenayah di kawasan utara Kedah mudah untuk membolosi sempadan kerana kawalan keselamatan yang agak longgar. Lagipun, terdapat kumpulan penjenayah sering bekerjasama dengan penghulu serta mata-mata polis yang mengawal sempadan negeri.

Dalam kejadian jenayah sama ada secara berkumpulan atau perseorangan yang melibatkan masyarakat Sam-Sam, banyak dilaporkan dalam fail-fail kerajaan Kedah (CO 716/1 The Annual Report of the Adviser to the Kedah Government for the Year 1327 A.H., 23rd January 1909-8th January 1910). Perbuatan jenayah yang dilakukan oleh kumpulan rompakan yang didalangi orang Sam-Sam dianggap lebih berbahaya dan tidak terkawal di kawasan utara Kedah berbanding di kawasan selatan Kedah. Perkara yang lebih membimbangkan pihak berkuasa adalah penglibatan orang-orang Melayu Kedah dalam jenayah rompakan, penyeludupan, pecah rumah dan kecurian. Sebenarnya, banyak kejadian jenayah berpunca daripada masalah sosioekonomi kawasan sekitarnya yang kekurangan sumber ekonomi. Akibatnya, segelintir rakyat Kedah terlibat dengan perlakuan jenayah akibat desakan hidup. Maka, tidak hairanlah kerajaan Kedah sukar untuk menangani masalah jenayah dalam kalangan masyarakat di kawasan utara Kedah.

Kepelbagaiannya jenayah yang berlaku dalam masyarakat Kedah, direkodkan juga kegiatan kongsi gelap yang melibatkan orang-orang Melayu. Kajian Mohammad Isa Othman (1990), Cheah Boon Kheng (1988) dan Mahani Musa (2003) berkaitan kegiatan penyamun sosial atau kongsi gelap memberi interpretasi tentang kehidupan sosial orang-orang Melayu. Kehidupan orang-orang Melayu sebagai golongan bawahan seringkali didorong oleh desakan ekonomi, manifestasi protes sosial dan pengaruh alam sekeliling. Dalam situasi tersebut, mereka mudah ter dorong untuk melakukan masalah sosial yang memaksa pihak pentadbiran negeri bertindak tegas melalui undang-undang. Jenayah yang dilakukan oleh pertubuhan kongsi gelap memberi impak yang besar dalam kegiatan sosioekonomi Kedah. Dipercayai kegiatan kongsi gelap orang-orang Melayu di Kedah berkait rapat dengan kegiatan kongsi gelap Bendera Putih dan Bendera Merah dari Pulau Pinang (Mahani Musa 2003; Mohd. Reduan Aslie 1990). Kajian Mahani Musa (2003) mengaitkan pengaruh Bendera Putih dan Bendera Merah melalui orang-orang Melayu yang sentiasa berulang alik antara Pulau Pinang dengan Kedah atas urusan perniagaan atau menziarahi saudara mara serta sahabat handai di kampung halaman mereka di Kedah. Pada tahun 1920-an pula, didapati pengaruh kongsi gelap Melayu ini menyerap masuk melalui kempen yang dijalankan oleh kelab-kelab bola sepak. Namun

demikian, pada akhir abad ke-19 perlakuan jenayah rompakan dan menyamun berlaku dalam dua corak. Pertama, kegiatan jenayah yang bergerak tanpa dinaungi mana-mana ketua atau kongsi gelap dan keduanya, aktiviti jenayah yang bergerak dengan dinaungi kongsi gelap. Kegiatan jenayah yang berlaku di utara Kedah tidaklah benar-benar menjurus kepada kegiatan kongsi gelap, sebaliknya kejadian rompakan dan mencuri kerbau lembu dilakukan oleh geng-geng Melayu. Sesungguhnya hubungan sejarah, persaudaraan dan kekeluargaan antara orang-orang Melayu Kedah dengan penduduk Pulau Pinang tidak perlu dipersoalkan. Maka, apa juar situasi yang dialami oleh kedua-dua negeri berkenaan, masing-masing menerima tempiasnya.

Selepas tahun 1909, Kedah mengalami pelbagai perubahan dalam pentadbirannya sama ada dari aspek politik, ekonomi dan sosial. Perkembangan ekonomi yang pesat akibat daripada pertambahan penduduk serta pengenalan perundangan yang ketat menjadi faktor penting kepada peningkatan jenayah dan gejala sosial di Kedah. Jadual di bawah dapat memberi pemahaman lanjut tentang pertumbuhan dan perkembangan penduduk Kedah;

Jadual 1. Populasi penduduk Kedah mengikut kaum bagi tahun 1911, 1921 dan 1931

Kaum	1911	1921	1931
Melayu	180,694	234,141	279,897
Cina	33,746	59,476	78,415
India	6,074	33,071	50,824
Eropah	86	300	411
Nusantara	17,008	2,899	6,365
Lain-lain	8,378	8,820	13,779
Jumlah	245,986	338,707	429,692

Sumber: Nicholas N. Dodge, Population Estimates for the Malay Peninsula in the Nineteenth Century, with Special Reference to the East Coast States, *JSTOR* 34(3) (Nov., 1980): 437-475.

Perkembangan penempatan penduduk, komposisi dan pertambahan bilangan penduduk dipercayai berkait rapat dengan peningkatan jenayah di Kedah. Jadual 1 menunjukkan bilangan orang-orang Melayu kian bertambah setiap tahun. Bilangan orang Melayu pada 10 tahun pertama selepas 1911 meningkat sebanyak 29.5 peratus iaitu seramai 53,447 orang. Selepas 10 tahun kemudiannya, bilangan tersebut meningkat sebanyak 16.3 peratus menjadikan jumlah keseluruhan masyarakat Melayu Kedah seramai 279,897. Walaupun bilangan orang-orang Melayu meningkat saban tahun tetapi bilangannya sedikit merosot menjelang tahun 1931. Dipercayai hal ini berlaku disebabkan perubahan persekitaran yang membabitkan kegiatan sosioekonomi dan dasar ekonomi yang dilaksanakan oleh pihak British. Dalam pada itu, kesukaran mencapai tahap ekonomi yang kian mencabar, dipercayai menjadi penyebab ramai orang Melayu Kedah berhijrah keluar untuk mencari kehidupan yang lebih baik.

Sementara itu, dua kumpulan imigran yang datang dari China dan India menunjukkan peningkatan bilangan mereka dari setahun ke setahun. Banci pada tahun 1921 menunjukkan bilangan penduduk Cina bertambah seramai 25,730 orang daripada 33,746 bagi tahun 1911 kepada 59,476 orang pada tahun 1921. Pada tahun 1931, bilangan orang-orang Cina kian meningkat menjadi 78,415 orang. Begitu juga dengan masyarakat India, bilangan penduduk yang berjumlah 6,074 orang pada tahun 1911 meningkat kepada 33,071 orang pada tahun 1921. Bilangan tersebut terus bertambah pada 10 tahun berikutnya menjadi 50,824 orang. Kemasukan masyarakat Cina dan India ke Kedah berkait rapat dengan polisi British yang memperkenalkan pelbagai kegiatan ekonomi komersial. Kebanyakan imigran Cina bekerja di kawasan perlombongan bijih timah manakala imigran India menjadi buruh di sektor perladangan (Mohd. Isa Othman 2001). Galakan daripada pihak British juga mengundang ramai pelabur Eropah untuk melabur dalam pelbagai

sektor ekonomi di Kedah. Buktinya, bilangan mereka kian bertambah sehingga mencecah 411 orang pada tahun 1931.

Sebelum kedatangan British secara rasmi, telah wujud masyarakat majmuk di Kedah yang terdiri daripada imigran Melayu Nusantara. Antaranya, masyarakat Melayu dari selatan Siam, Indonesia dan golongan ulama dari Timur Tengah. Sehingga tahun 1911, jumlah penduduk Nusantara yang terdapat di Kedah adalah seramai 17,008 orang. Namun, pada tahun 1921, dipercayai ramai penduduk Nusantara yang keluar dari Kedah. Daripada angka 17,008 orang, jumlahnya berkurangan menjadi 2,899 orang sahaja. Pada tahun 1931, terdapat peningkatan bilangan penduduk Nusantara di Kedah iaitu daripada bilangan sebanyak 3,466 orang menjadi seramai 6,365 orang. Pengurangan dan pertambahan penduduk Nusantara berkait rapat dengan kegiatan polisi dan dasar ekonomi kerajaan Kedah yang banyak memihak kepada golongan pemodal Cina dan Eropah.

Selain kaum-kaum yang telah dibincangkan, jadual menunjukkan terdapat juga penduduk daripada kategori ‘lain-lain’ (tidak dapat dipastikan kewarganegaraan mereka) turut menjadi sebahagian daripada penduduk Kedah. Bilangannya bertambah setiap tahun iaitu daripada jumlah 8,378 orang pada tahun 1911 menjadi 13,779 orang pada tahun 1931. Peningkatan jumlah kaum ‘lain-lain’ ini turut menjadi titik tolak punca persaingan ekonomi kepada orang-orang Melayu.

Daripada keseluruhan jumlah penduduk asing yang terdapat di Kedah, bilangan mereka kian bertambah setiap tahun. Pada tahun 1911, bilangan mereka berjumlah 65,292 orang dan jumlah tersebut terus meningkat hingga mencecah bilangan seramai 104,566 orang bagi tahun 1921. Sepuluh tahun kemudiannya, bilangan penduduk asing bertambah sebanyak 43.3 peratus, menjadikan jumlah sebenar adalah seramai 149,795 orang. Pertambahan penduduk asing di Kedah pada awal kemasukan British berkait rapat dengan beberapa faktor penarik seperti kekayaan sumber ekonomi dan dasar British yang membuka ruang kepada penghijrahan golongan ini. Tambahan pula, British membenarkan pihak pemodal membawa masuk tenaga buruh untuk memenuhi sektor penanaman getah dan perlombongan bijih timah. Kekayaan ekonomi ini juga menjadi faktor penarik bagi kemasukan penduduk Nusantara seperti orang Aceh, Jawa, Bugis dan sebagainya ke Kedah (SRR No. 2 T.H 1312 T.M 1895 & SRR No. 3 T.H 1317-1329 (T.M 1899-1911).

Bagi populasi penduduk Kedah, bilangan orang Melayu masih mengatasi bilangan penduduk lain. Bilangan orang Melayu pada tahun 1921 adalah seramai 234,141, bertambah sebanyak 53,447 orang sebelum 10 tahun sebelumnya. Dipercayai pertambahan tersebut berkait rapat dengan faktor biologi. Walau bagaimanapun, pada tahun 1931, bilangan orang Melayu adalah 279,897 orang. Ini bermakna pertambahan bilangan orang Melayu adalah sebanyak 45,756 orang sahaja. Penyusutan bilangan orang Melayu sebanyak 7,691 orang dalam tempoh 10 tahun menunjukkan terdapat orang Melayu, dipercayai terpaksa berhijrah keluar untuk membina kehidupan baharu. Kelompok ini tidak mampu lagi berhadapan dengan persaingan ekonomi yang dimonopoli oleh golongan pemodal. Tambahan pula, kehidupan yang dilingkari dengan masalah hutang turut memberi kesan kepada kehidupan masyarakat Melayu. Ramai orang Melayu kehilangan tanah dan terpaksa hidup dalam kesusahan akibat hutang. Tambahan pula, polisi, dasar dan birokrasi kerajaan tidak banyak membantu kehidupan orang-orang Melayu. Perkembangan penduduk merupakan elemen yang mampu mewujudkan persaingan ekonomi yang hebat. Perkembangan penduduk dan penguasaan pelabur asing dalam ekonomi ternyata mewujudkan jurang pendapatan yang ketara antara orang Melayu dengan penduduk asing di Kedah.

Apabila sesebuah masyarakat tidak dapat mencapai tahap ekonomi yang merangsang kehidupan mereka, golongan ini mudah terdedah dengan gejala jenayah (Ahmad Azam Sulaiman @ Mohamad 2011). Jenayah juga berlaku apabila seseorang yang berada dalam keadaan terdesak, adakalanya pemikiran menjadi tidak rasional. Maka, cara jenayah sahaja yang dilihat sebagai jalan untuk menyelesaikan masalah mereka (Mohd Reduan Aslie 1990). Faktor pertambahan penduduk berkait rapat dengan dasar kerajaan dan perkembangan ekonomi yang boleh membawa kepada kemiskinan hidup sekiranya sesebuah masyarakat itu tidak dapat menyesuaikan diri dengan perubahan yang berlaku di persekitaran mereka. Hal ini sememangnya berlaku dalam kehidupan

orang-orang Melayu. Tuntasnya, pertumbuhan bilangan penduduk Melayu tidak seiring dengan pertumbuhan ekonomi disebabkan persaingan dengan masyarakat asing yang lebih berpeluang melibatkan diri dalam aktiviti ekonomi utama di Kedah.

Peningkatan kadar jenayah di Kedah menyaksikan kadar keselamatan terus menurun. Laporan daripada pihak kerajaan Kedah mendedahkan peratusan tertinggi bagi perlakuan jenayah yang berlaku ialah kes kecurian, rompakan dan pecah rumah. Hal ini membimbangkan kerajaan Kedah yang maklum bahawa sekiranya masalah jenayah tidak dibendung, kestabilan pentadbiran politik dan kegiatan sosioekonomi pasti terganggu. Jenayah yang berlaku merupakan reaksi daripada rakyat yang mengalami desakan hidup akibat daripada persekitaran yang tidak memihak kepada kehidupan mereka. Tindakan ini juga dianggap sebagai cara segelintir golongan bawahannya menyelesaikan masalah mereka. Penguatkuasaan undang-undang dilihat sebagai jalan penyelesaian bagi isu jenayah dalam jangka masa pendek. Seharusnya pelbagai kaedah perlu dikenal pasti bagi membantu kehidupan orang-orang Melayu.

GEJALA SOSIAL

Pelbagai definisi dan bentuk gejala sosial yang boleh diungkapkan oleh pengkaji, namun penulisan ini hanya memfokuskan kepada aspek-aspek tertentu sebagaimana yang banyak dilaporkan dalam SUU, SRR dan rekod kerajaan Kedah. Selain gejala berhutang dalam masyarakat Melayu, masalah judi, menyabung ayam, laga kerbau, penderaan, pelacuran dan maksiat antara gejala sosial yang sering menular dalam kehidupan masyarakat Melayu Kedah. Umumnya masalah sosial ini menjadi penyakit masyarakat yang perlu dirawat dengan segera. Kerajaan Kedah sentiasa mengambil berat dan mengenakan tindakan undang-undang ke atas rakyat Kedah yang melakukan kesalahan, sama ada kesalahan yang menyalahi agama ataupun peraturan negeri.

Apabila berbicara tentang pajakan judi, sememangnya hal ini tiada kaitan dengan masyarakat bawahannya tetapi apabila berlakunya aktiviti judi, kegiatan ini disertai daripada pelbagai lapisan sosial masyarakat termasuklah sebilangan orang-orang Melayu. Namun begitu, tidak banyak catatan menunjukkan golongan petani terlibat dengan perjudian di tempat-tempat judi yang berdaftar. Sebaliknya, mereka lebih banyak terjebak dalam pertaruhan yang melibatkan pertandingan laga kerbau dan menyabung ayam. Lebih buruk lagi, perjudian ini membabitkan wang, tanah dan harta benda, kemudiannya terjerumus dengan masalah hutang dan pergaduhan. Secara umumnya, permainan yang melibatkan perjudian mampu mencetuskan huru-hara, kerosakan akhlak dan jenayah. Berjudi juga menjadikan seseorang itu leka sehingga mengabaikan tanggungjawab terhadap diri sendiri, keluarga dan masyarakat.

Apabila berbicara tentang gejala sosial yang melibatkan hal perjudian dalam kalangan masyarakat petani Kedah, kandungan SRR mahupun SUU mencatatkan kelompok ini sering terlibat dengan aktiviti laga kerbau dan sabung ayam sehingga menjurus kepada pertaruhan. Pada peringkat awalnya, aktiviti ini dianggap sebagai hiburan yang diraikan dalam majlis tertentu (Wan Adli Wan Ibrahim 1998). Keseronokan dalam melakukan aktiviti laga kerbau dan sabung ayam, akhirnya bertukar menjadi satu pertandingan yang melibatkan pertaruhan wang, tanah dan harta benda. Memandangkan kegiatan ini menjelaskan kehidupan rakyat, kerajaan Kedah bertindak mengharamkan mana-mana pertandingan yang berunsurkan perjudian. Sebagai contoh, Tunku Abdul Aziz pernah memberi arahan melarang orang-orang Melayu Kuala Muda melakukan kegiatan menyabung ayam (SRR No. 2 T.H 1312 T.M 1895). Surat bertarikh 21 Rabiulawal 1324H (15 Mei 1906M) pula mencatatkan MMN telah memutuskan bahawa mana-mana rakyat Kedah dilarang berhutang semata-mata untuk berjudi (SUU T.H 1321-T.H 1327 T.M 1903-T.M 1909). Bukan itu sahaja, terdapat sepucuk surat arahan yang ditujukan kepada Che Muhammad Ariffin (ketika memegang jawatan sebagai majistret) untuk menangkap orang yang bermain judi dengan menjadikan barang yang dicuri daripada tempat pajakan sebagai pertaruhan untuk berjudi (SUU T.H 1321-T.H 1327 T.M 1903-T.M 1909). Kerajaan Kedah juga membuat pindaan ke atas Undang-Undang Pajak Judi 1329 (1911) pada tahun 1916. Berdasarkan pindaan tersebut, sekiranya seseorang itu melakukan aktiviti perjudian di luar premis perjudian, mereka akan dikenakan denda tidak melebihi \$50.00 atau sebulan penjara. Dalam usaha lain bagi membanteras aktiviti perjudian,

kerajaan Kedah turut bertindak mengubah kedudukan ‘rumah judi’ jauh daripada madrasah dan masjid (SMSAH No. 11 T.H. 1335 (T.M. 1916). Barangkali tindakan ini dilakukan untuk menjaga perasaan orang-orang Islam yang beribadat di madrasah dan masjid. Lagi pula, judi merupakan perbuatan yang diharamkan dalam Islam dan langkah yang dilakukan oleh kerajaan sebagai tindakan menjaga sensitiviti orang-orang Melayu. Segala larangan dan tindakan perundangan yang dilaksanakan berkaitan perjudian menunjukkan kerajaan Kedah memandang serius dengan gejala buruk yang berlaku dalam kalangan rakyat Kedah. Tabiat judi ini dilihat sebagai punca kelemahan orang-orang Melayu untuk memajukan diri mereka, apatah lagi untuk bersaing dengan bangsa asing yang menguasai sebahagian besar sumber ekonomi Kedah.

Gejala sosial lain yang sering diadukan kepada institusi mahkamah ialah kes melarikan perempuan sama ada isteri atau tunangan orang. Maklumat daripada SRR mencatatkan seorang lelaki bernama Mat Aji telah melarikan seorang perempuan bernama Sharifah, iaitu isteri kepada Mat Yusof yang tinggal menetap di Perlis. Bertindak atas aduan daripada suami Sharifah kepada pihak berkuasa Perlis, tangkapan telah dibuat ke atas Mat Aji. Dia telah dipenjarakan sementara waktu sehingga diserahkan kepada kerajaan Perlis. Namun, berdasarkan catatan kes, tidak dapat dipastikan sama ada Sharifah mengikut Mat Aji secara rela atau secara paksaan (SRR No. 1 T.H 1306 T.M 1888). Sungguhpun demikian, kes ini tetap diklasifikasi sebagai kes jenayah kerana menyalahi undang-undang negeri.

Dalam permasalahan sosial di Kedah, didapati wujud isu penderaan ke atas kanak-kanak. Hal ini dikaitkan dengan penganiayaan yang dilakukan oleh seorang kerabat raja ke atas seorang budak perempuan. Catatan surat menunjukkan Tunku Ku Tam telah memukul budak perempuan tersebut, dipercayai budak suruhan atau hambanya. Akibat daripada perbuatan Tunku Ku Tam, budak perempuan tersebut terpaksa menyelamatkan diri dengan melarikan diri ke Balai Permatang Bendahari. Kes penderaan ini mendapat perhatian Konsul Siam di Pulau Pinang ketika itu, A.D. Neubronner dan hal ini dibawa kepada pengetahuan Tunku Abdul Aziz. Berdasarkan catatan surat, Tunku Ku Tam telah diberi peringatan agar tidak lagi mengulangi perbuatan salahnya itu (SRR No. 2 T.H 1312 T.M 1895). Walaupun tidak ada tindakan undang-undang ke atas perbuatan Tunku Ku Tam tetapi tindakan tersebut dianggap sebagai satu penganiayaan ke atas masyarakat bawah. Perbuatan ini juga tidak banyak dilaporkan dalam mana-mana dokumen kerajaan Kedah, barangkali penutupan kes-kes sebegini bertujuan menjaga kedudukan golongan atasan. Situasi inilah sering dikaitkan dengan tanggapan yang penguatkuasaan undang-undang hanya kepada golongan tertentu sahaja.

KESIMPULAN

Undang-undang dicipta untuk mewujudkan keharmonian dalam sesebuah masyarakat, maka sesiapa yang melanggar undang-undang dikenakan hukuman yang setimpal dengan kesalahan yang dilakukan. Kedah, antara Negeri-negeri Melayu yang mengamalkan undang-undang Islam dan undang-undang Adat sesuai dengan masyarakat pertanian. Dalam hal ini, sultan dianggap pegawai tertinggi dalam menjalankan undang-undang dengan dibantu pembesar negeri. Sistem perundangan Kedah berkembang mengikut suasana, keadaan tempat dan masyarakat sekitarnya.

SRR dan SUU banyak memaparkan perlakuan jenayah dan gejala sosial yang berlaku dalam masyarakat Melayu Kedah. Kemajuan dalam bidang ekonomi komersial, kebanjiran warga asing, sikap serta budaya hidup orang-orang Melayu dilihat sebagai punca tercetusnya kejadian jenayah dan gejala sosial di Kedah. Maka, kerajaan Kedah melihat penguatkuasaan undang-undang sebagai jalan penyelesaian kepada permasalahan yang berlaku. Dari aspek bentuk hukuman, kebiasaannya hukuman lebih longgar mengikut tahap kesalahan yang dilakukan. Adakalanya pesalah diringankan hukuman atau dibebaskan daripada hukuman atas budi bicara sultan setelah rayuan dilakukan oleh pesalah. Hakim yang dilantik pula adalah individu yang berpengalaman luas dalam hal-hal pentadbiran dan mempunyai hubungan baik dengan pihak istana.

Selepas penubuhan MMN dan hadirnya kuasa British di Kedah, berlaku perubahan dalam pentadbiran perundangan dan sistem kehakiman Kedah secara berperingkat. Sistem mahkamah distrukturkan semula dan bidang kuasa mahkamah turut mengalami perubahan. Mahkamah Syariah diasingkan dan diletakkan pada peringkat rendah. Begitu juga dengan pelantikan hakim dan pegawai kehakiman lain, bukan lagi berasaskan kepada pengalaman dan hubungan peribadi semata-mata tetapi lebih kepada kelayakan akademik. Secara jelasnya, British memperkuatkan cengkamannya ke atas Kedah melalui MMN dalam mewujudkan pemakaian undang-undang Inggeris sehingga mengetepikan sebahagian besar undang-undang Islam. Proses ini dilakukan melalui keputusan hakim British dan MMN. Pemakaian undang-undang Islam hanya terhad kepada isu dan permasalahan kekeluargaan orang-orang Islam sahaja.

RUJUKAN

- Ahmad Azam Sulaiman @ Mohamad. 2011. Kesan Kitaran Ekonomi Terhadap Peningkatan Kadar Indeks Jenayah di Malaysia. *Prosiding Perkem VI* Jilid I 492-501.
- Austin, John. 1998. *The Province of Jurisprudence Determined and the Uses of the Study Jurisprudence*. Indianapolis/Cambridge: Hackett Publishing Company Inc.
- Bariyah Basiran. 2018. Ulama dalam Pentadbiran Kerajaan Negeri Kedah Tahun 1909 hingga 1957. Tanjung Malim: Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Fakulti Sains Kemanusiaan. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Barlow, Hugh D. & Kauzlarich, David. 2010. *Explaining Crime: A Primer in Criminology Theory*. Maryland: Rowman & Littlefield Publishers, Inc.
- Bentham, Jeremy. 1975. *Theory of Legislation*. Bombay: Oceana Publications.
- CO 716/1 The Annual Report 1906-1920.
- CO 716/2 The Annual Report 1920-1930.
- Dodge, Nicholas N. 1980. Population Estimates for the Malay Peninsula in the Nineteenth Century, with Special Reference to the East Coast States. *JSTOR* 34(3): 437-475.
- Has Zanah Mehat. 1980. Sejarah Perundangan di Kedah Sehingga 1957. Kuala Lumpur: Tesis Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang. Universiti Malaya.
- Hollin, Clive R. 2002. *Psychology and Crime: An Introduction to Criminology Psychological*. Taylor & Francis e-Library.
- Jennings, Wesley G. & Piquero, Alex R. 2009. Life Course Criminology. Dlm. J. Mitchell Miller (ed.). *21st Century Criminology: A Reference Handbook*. California: SAGE Publications, Inc.
- Kheng, Cheah Boon. 2001. *The Peasant Robber of Kedah: Historical and Folk Perceptions*. Singapore: Oxford University.
- Ku Din Ku Meh. *Undang-Undang Kedah*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- Mahani Musa. 2003. *Kongsi Gelap Melayu di Negeri-Negeri Utara Pantai Barat Semenanjung Tanah Melayu 1821-1940-an*. Monograph No. 36 MBRAS.
- Mohammad Isa Othman. 1990. *Politik Tradisional Kedah 1681-1942*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Isa Othman. 2001. *Pengalaman Kedah & Perlis Zaman Penjajahan British*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Mohd Kasturi Nor Abd Aziz, Haslindawati Saari & Makmur Haji Harun. 2017. Isu Sosial di Kedah Berdasarkan Surat Raja-Raja dan Surat-Menyurat Sultan Abdul Hamid (1882-1919). International Business Management Conference (IBMC 2017). Kuala Lumpur: Global Business Entrepreneurship (GBE).
- Mohd Kasturi Nor Abd Aziz. 2012. Kegiatan Jenayah di Kedah Menerusi Surat-menyurat Sultan Abdul Hamid. *Jurnal Jabatan Sejarah* 20(20): 51-70.
- Mohd Reduan Aslie. 1990. *Jenayah di Malaysia*. Kuala Lumpur: AMK Interaksi Sdn. Bhd.
- Noor Aziah Mohd Awal. 2013. *Pengenalan Kepada Sistem Perundangan di Malaysia*. Selangor: Golden Books Centre Sdn. Bhd.
- Nor Azlinda Hj. Nordin. Peranan dan Tanggungjawab Masyarakat Terhadap Pencegahan Jenayah “Cakna Pergaulan Anda”. Polis Diraja Malaysia Kontingen Melaka. http://www.islam.gov.my/images/Berita/BPUU/cakna_2019/PERANAN_DAN_TANG_GUNGJAWAB_MASYARAKAT_-_nota_2.pdf [14 Januari 2020].
- Salinan Surat Kepada Raja-Raja T.H 1313 T.M 1895 No 2.

Salinan Surat-Surat Raja-Raja T.H 1317-1329 (T.M 1899-1911) No. 3.
Surat Raja-Raja T.H 1306 T.M 1888 No. 1.
Salinan Surat Undang-Undang T.H 1321- T.H 1327.
SUK/K A T.H 1331-1341 T.M 1912-1922, T.H 1343-1354 T.M 1924-1935
Surat-Menyurat Sultan Abdul Hamid Halim Shah No. 11 T.H. 1335 (T.M. 1916), Undang-Undang Penjual dan Pembeli Getah dan Bijih (Jilid I).
Surat-Menyurat Sultan Abdul Hamid No. 11 Tahun 1335 Kanun Al- Akubat (Jilid II).
Surat-Menyurat Sultan Abdul Hamid Halim Shah No. 13 T.H.1338H/1919M.
Surat-Menyurat Sultan Abdul Hamid Halim Shah No. 14 T.H.1338-1339H/1919-1920M.
Wan Adli Wan Ibrahim. 1998. A Buffalo-Fight in Kedah. Dlm. *Buletin Kedah Dari Segi Sejarah* 3(1).
Kedah: Arkib Negara Cawangan Perlis/Kedah.

Haslindawati Saari
Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh
Bahagian Sejarah
Universiti Sains Malaysia
11800 Minden
Pulau Pinang
E-mail: haslindawati@ipsah.edu.my

Azmah Abd. Manaf, Ph.D
Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh
Bahagian Sejarah
Universiti Sains Malaysia
11800 Minden
Pulau Pinang
E-mail: azmah@usm.my

Norizan Abd. Kadir
Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh
Bahagian Sejarah
Universiti Sains Malaysia
11800 Minden
Pulau Pinang
E-mail: norizan.kadir@usm.my

Diserahkan: 17 Jun 2021
Diterima: 27 Oktober 2021
Diterbitkan: 15 Disember 2021